


## Teknik mengangkat dan mengalih menggunakan dua orang pembantu



Posisikan kerusi roda 45° ke arah katil



**Penjaga 1** : berdiri di hadapan pesakit perlu membongkok badan ke hadapan dan memegang kedua-dua kaki pesakit.

Penjaga 1 perlu menunggu arahan daripada penjaga 2 untuk memindahkan pesakit ke katil.



**Penjaga 2** berdiri di belakang pesakit dan memegang lengan pesakit seperti dalam gambar

Dalam kiraan 3, pindahkan /alihkan pesakit ke atas katil



## Prinsip Biomekanik yang selamat



Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi Kami

Unit Fisioterapi  
Hospital Rehabilitasi Cheras  
Jalan Yaacob Latif  
56000 Bandar Tun Razak Kuala Lumpur  
No tel.:03-914534700 Ext.:2500/2501




UNIT FISIOTERAPI  
HOSPITAL REHABILITASI CHERAS

# Teknik Mengangkat dan Mengalih Pesakit



## Teknik Mengangkat dan Mengalih dengan Seorang Pembantu

- 1) Posisikan kerusi roda di bahagian anggota pesakit yang kuat 45° ke arah katil
- 2) Mengunci brek , mengalihkan pemegang dan tempat letak kaki
- 3) Membantu pesakit untuk bergerak ke tepi katil sehingga kedua –dua kaki mencecah lantai.
- 4) Bengkokkan lutut anda dan tahan kaki pesakit yang lemah.
- 5) Memegang di bahagian pinggang pesakit, Berkomunikasi sewaktu pemindahan dijalankan, seperti kiraan 1,2,3
- 6) Dalam kiraan tiga bawa pinggul dan punggung pesakit ke arah anda, kemudian perlahan-lahan pusingkan pesakit ke arah kerusi roda.
- 7) Meminta pesakit memegang tempat letak tangan kerusi roda.
- 8) Membantu pesakit mengangkat punggung dan beralih ke kerusi roda



Posisikan kerusi roda pada 45° ke arah katil



Gerakkan pesakit ke arah tepi katil

Bengkokkan lutut anda dan tahan kaki pesakit yang lemah

Pegang pinggang pesakit dan bersedia untuk sesi pemindahan pesakit.



Dalam kiraan 3, bawa pinggul pesakit ke arah anda

Pesakit perlu mengangkat punggung daripada katil.



Meminta pesakit memegang tempat letak tangan kerusi roda.

Membimbing dan menggerakkan pesakit ke arah kerusi roda



Kemudian perlahan-lahan pusingkan pesakit ke arah kerusi roda

## Teknik Mengangkat dan Mengalih dengan Dua Orang Pembantu

Ulangi langkah 1 hingga 4 (Teknik Mengalih bantuan seorang)



- 1) Penjaga 1 perlu membengkokkan kaki dan menahan kedua-dua kaki pesakit.
- 2) Memegang pinggang sambil menyokong badan pesakit. Berkomunikasi sewaktu pemindahan dijalankan, seperti kiraan 1,2,3
- 3) Penjaga 2 perlu berdiri dibelakang pesakit iaitu diantara kerusi roda dan katil. Menyokong pinggul pesakit dan seterusnya menunggu arahan dari penjaga 1



- 4) Dalam kiraan 3, bawa pinggul dan punggung pesakit ke arah penjaga 1 dibantu oleh penjaga 2.
- 5) Seterusnya bersama-sama meletakkan pesakit duduk di atas katil.

### Peringatan

- \* Jangan biarkan pesakit memegang leher anda semasa sesi pemindahan.
- \* Jangan sekali-kali meletakkan “ **Transfer Belt** ” atau lengan tangan anda di bawah ketiak pesakit semasa sesi pemindahan, kerana ini boleh menyebabkan kejadian "brachial plexus "
- \* Jangan biarkan pesakit memegang baju anda semasa sesi pemindahan